



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7347 Faks: 03-8881 1008

SERLAH KEINDAHAN LANDSKAP DI KEDIAMAN

PUTRAJAYA, 10 Januari 2023 – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Laman Cantik Putrajaya 2022 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Pertandingan Laman Cantik (PLC 2022) merupakan penghargaan Perbadanan Putrajaya kepada komuniti Putrajaya di atas inisiatif dan usaha mereka ke arah mewujudkan persekitaran hijau dan mampan. Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga adalah untuk memberi peluang kepada komuniti yang sentiasa berusaha memelihara kejiranan hijau dalam mengetengahkan bakat dan kreativiti mereka selaras dengan konsep pembangunan Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP).

Pertandingan Laman Cantik Putrajaya 2022 telah bermula pada 17 Oktober sehingga 1 Disember 2022 dan mendapat 42 penyertaan dalam kalangan komuniti Putrajaya. Sebanyak tiga (3) kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Rumah Kuarters, Kategori Rumah Persendirian dan Kategori Sekolah Kebangsaan dan Menengah.

Penjurian telah diadakan bermula pada 5 – 23 Disember 2022. Bagi kategori Rumah Kuarters dan Rumah Persendirian, juara pertandingan bagi setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM 800, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM 700, tempat keempat menerima wang tunai RM600 dan tempat kelima menerima wang

tunai RM500. Pemenang tempat ke-6 hingga ke-10 bakal membawa pulang wang tunai RM300

Bagi Kategori Sekolah Kebangsaan dan Menengah, juara pertandingan bagi setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM1,500 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000. Pemenang saguhati tempat ke-4 hingga ke-11 bakal membawa pulang wang tunai RM600. Para pemenang turut menerima trofi dan sijil.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: / 0 Januari 2023

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Laman Cantik Putrajaya 2022, sila hubungi Pegawai Media, En. Mohamad Fitri Norsalim di talian 011-1068 8347.